



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**HUBUNGAN ANTARA EFIKASI SWADIRI KAUNSELOR DENGAN
IKLIM SEKOLAH**

SUZANA HARON

FPP 2010 12



**HUBUNGAN ANTARA EFIKASI SWADIRI KAUNSELOR DENGAN
IKLIM SEKOLAH**

SUZANA HARON

MASTER SAINS

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

2010



**HUBUNGAN ANTARA EFIKASI SWADIRI KAUNSELOR DENGAN
IKLIM SEKOLAH**

Oleh

SUZANA HARON

**Tesis ini dikemukakan kepada sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

Februari 2010



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Master Sains

**HUBUNGAN ANTARA EFIKASI SWADIRI KAUNSELOR DENGAN
IKLIM SEKOLAH**

Oleh

SUZANA HARON

Februari 2010

Penyelia : Wan Marzuki b. Wan Jaafar, PhD.;K.B.;P.A.

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Objektif utama kajian ini dijalankan ialah untuk menentukan sama ada terdapat hubungan di antara iklim sekolah dengan efikasi swadiri kaunselor. Subjek kajian ini terdiri daripada 100 orang kaunselor yang dipilih secara rawak dari 40 buah sekolah menengah di negeri Kelantan. Alat kajian yang digunakan ialah terdiri daripada soal selidik yang mengandungi 3 bahagian. Bahagian A mengandungi Latarbelakang Responden / Demografi. Bahagian B mengandungi soal selidik *School Level Environment Questionnaire* (SLEQ), manakala Bahagian C mengandungi soal selidik *School Counselor Self-Efficacy Scale* (SCSE). Data-data yang diperolehi dianalisis menggunakan SPSS. Analisis statistik yang digunakan ialah Pekali Kolerasi Pearson dan analisis Regresi.

Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara iklim sekolah dengan efikasi swadiri kaunselor, $r = .302$, $p < .05$. Secara lebih terperinci

hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara iklim sekolah subskala perhubungan di sekolah dengan efikasi swadiri kaunselor, $r = .235, p < .05$. Sebaliknya hasil kajian tidak menunjukkan hubungan di antara iklim sekolah subskala penglibatan membuat keputusan dengan efikasi swadiri kaunselor, $r = .182, p > .05$. Seterusnya hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara iklim sekolah subskala inovatif dengan efikasi swadiri kaunselor, $r = .210, p < .05$. Hasil kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara iklim sekolah subskala sokongan pelajar dengan efikasi swadiri kaunselor, $r = .240, p < .05$. Keputusan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara iklim sekolah subskala mempunyai sumber maklumat yang mencukupi dengan efikasi swadiri, $r = .305, p < .05$. Manakala keputusan analisis Regresi pula menunjukkan bahawa iklim sekolah merupakan peramal yang signifikan kepada efikasi swadiri kaunselor, $F(100) = 9.84, p < .05$.

Dapatan kajian yang dijalankan ini dapat memberikan panduan kepada kaunselor dan pendidik kaunselor tentang kepentingan efikasi swadiri kaunselor. Perhatian yang serius kepada perkembangan diri kaunselor adalah sangat penting bagi memastikan kaunselor yang baik dihasilkan dalam proses pendidikan kaunselor. Begitu juga dengan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia supaya dapat menyediakan suasana yang lebih kondusif bagi meningkatkan tahap profesionalisme kaunselor sekolah.

Abstract of thesis presented to the Senate of University of Putra Malaysia
in fulfillment for the degree of Master of Science

**RELATIONSHIP BETWEEN COUNSELOR'S SELF-EFFICACY
WITH SCHOOL CLIMATE**

By

SUZANA HARON

February 2010

Supervisor : Wan Marzuki b. Wan Jaafar, PhD.;K.B.;P.A.

Faculty : Educational Studies

The objective of this research is to determine the relationship between school climates with counselor's self-efficacy. The subjects of this research consisted of 100 counselors who were chosen randomly from 40 secondary schools in the state of Kelantan.

The instrument used for the research is based on a questionnaire set which comprises of 3 sections. Section A contains is the Respondent Background / Demography. Section B consists of questionnaire regarding "School Level Environment Questionnaire" (SLEQ), while Section C is of "School Counselor Self-Efficacy Scale" (SCSE). All the data was analyzed by using SPSS. Analysis statistic that was used in this study was the Pearson Product Moment Correlation Coefficient and Linear Regression Analysis.

The results showed that there was a significant relationship between the school climate with counselor's self-efficacy, $r = .302, p < .05$. There was a significant relationship between school climate subscale school collaboration with counselor's self-efficacy, $r = .235, p < .05$. However, there was no relationship between school climate subscale involve decision making with counselor's self-efficacy, $r = .182, p > .05$. The findings also revealed a significant relationship between school climate subscale innovation with counselor's self-efficacy, $r = .210, p < .05$. The result also showed a significant relationship between school climate subscale student support with counselor's self-efficacy, $r = .240, p < .05$. The result also showed a significant relationship between school climate subscale school resources with counselor's self-efficacy, $r = .305, p < .05$. Finally, the Linear Regression analysis showed that school climate being the significant predictor towards counselor self-efficacy, $F(100) = 9.84; p < .05$.

The findings obtained from the study could enhance counselors' awareness and counselor educators with regard to the importance of their self-efficacy. This is where serious attention should be given to the self-development of counselors in order to produce the good counselor. The Ministry of Education also has to provide a conducive environment in order to enhance the level of school counselor professionalism.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.

Terlebih dahulu, saya ingin memanjatkan kesyukuran kehadiran Allah S.W.T kerana dengan berkat dan limpah kurniaNya dapatlah saya menyiapkan projek ini dengan jayanya.

Setinggi-tinggi penghargaan ingin saya sampaikan kepada penyelia saya, Dr Wan Marzuki B. Wan Jaafar di atas segala tunjuk ajar, komitmen yang diberikan, teguran serta cadangan sepanjang saya menjalankan kajian ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga saya tujukan kepada Dr Maznah Bt Baba yang juga telah banyak memberi tunjuk ajar dan inspirasi kepada saya.

Ucapan terima kasih juga kepada Dekan, Timbalan-Timbalan Dekan, Ketua-Ketua Jabatan dan rakan-rakan pensyarah serta tutor yang lain yang sentiasa membantu dan memberi semangat kepada penulis dalam menyiapkan tesis ini. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk memberi ucapan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua pensyarah Bimbingan dan Kaunseling, Fakulti Pengajian Pendidikan sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Akhir sekali, dengan penuh rasa takzim dan syahdu saya ucapkan jutaan terima kasih kepada suami, En Ramly B Ismail dan anak tersayang, Mohd Harith dan keluarga yang telah banyak memberi dorongan dan sokongan juga demi kejayaan saya. Sekian dan terima kasih.

Suzana Haron



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Wan Marzuki b Wan Jaafar, PhD

Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Maznah bt Baba, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

HASANAH MOHD GHAZALI, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:





KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	vi
PERAKUAN	ix
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv

BAB

1	PENGENALAN	
	Latar Belakang Kajian	3
	Model Teoritikal Kajian	6
	Pernyataan Masalah	7
	Objektif / Tujuan Kajian	9
	Persoalan Kajian	9
	Hipotesis Kajian	10
	Kepentingan Kajian	11
	Limitasi Kajian	13
	Definisi Operasional	14
2	SOROTAN LITERATUR	
	Pendahuluan	18
	Teori Kognitif Sosial	19
	Iklim Sekolah	21
	Efikasi Swadiri	32
	Kaunselor Sekolah	43
	Kesimpulan Kajian Literatur	44
	Kerangka Konsep Penyelidikan	46
3	METODOLOGI KAJIAN	
	Pendahuluan	47
	Reka bentuk Kajian	47
	Populasi dan Sampel Kajian	48
	Alat Kajian	49

	Kajian Rintis	54
	Prosedur Kajian	56
	Penganalisan Data Statistik	57
	Ringkasan	60
4	KEPUTUSAN KAJIAN	
	Pendahuluan	62
	Demografi Responden	62
	Analisis Deskriptif	71
	Perbincangan Terhadap Hipotesis Kajian	73
	Rumusan	79
5	PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	
	Pendahuluan	80
	Perbincangan Berdasarkan Objektif Kajian	80
	Perbincangan Berdasarkan Hipotesis Kajian	89
	Implikasi	99
	Cadangan	102
	Cadangan Kajian Lanjutan	105
	Penutup	106
	RUJUKAN	107
	LAMPIRAN	115
	BIODATA PELAJAR	130